

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

CSK101 - Kenalfahaman komputer

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 8 muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan. Semua soalan membawa markah yang sama.

Semua jawapan mestilah ditulis di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Lukiskan gambarajah struktur sebuah sistem komputer dan terangkan hubungan diantaranya.

(20/100)

- (b) Satu kertas kerja bernama PESANAN telah dicipta menggunakan LOTUS 123 untuk membuat pesanan barang bagi sebuah kedai komputer. Kertas kerja tersebut mempunyai maklumat-maklumat seperti jadual 1 di bawah.

	A	B	C	D	E	F
1	Tarikh:					
2						
3						
4		HARGA/ SEUNIT	KUANTITI	JUMLAH	DISKAUN	JUMLAH BERSIH
5	Disket 5 $\frac{1}{4}$ "	2.50	500			
6	Disket 3 $\frac{1}{2}$ "	6.00	300			
7	Ribon pencetak	15.00	100			
8	IBM PC/XT	7000.00	2			
9						

JADUAL 1

- (i) Berikan fungsi yang digunakan untuk mengira DISKAUN berdasarkan syarat-syarat berikut :

Jika JUMLAH lebih dan 1500, maka  
DISKAUN adalah 10% dari JUMLAH,  
Jika JUMLAH kurang atau sama 1500,  
DISKAUN adalah 5% dari JUMLAH.

...2/-

- (ii) Apakah langkah-langkah yang patut diambil untuk :
- (A) mengisi kandungan sel-sel pada lajur JUMLAH dan JUMLAH BERSIH.
  - (B) memasukkan simbol ringgit (\$) di lajur F.
  - (C) menggerakkan satu julat sel dari F4 - F8 ke G4 - G8.
- (iii) Memasukkan fungsi tarikh di sel B1.

(35/100)

- (c) Berikan arahan-arahan dBase 3+ untuk operasi-operasi berikut :

- (i) mencipta satu fail pangkalan data baru.
- (ii) menggerakkan kursor ke rekod-rekod tertentu (terpilih) di dalam sesuatu fail.
- (iii) menghapuskan rekod secara kekal dari fail pangkalan data.

(15/100)

- (d) "Sesetengah pakar percaya bahawa komputer memegang kunci kepada kemajuan pesat manusia; sedangkan yang lain pula berpendapat komputer akan mengakibatkan kehilangan personaliti, pengangguran, perampasan hak perseorangan, dan pemusnahan bumi sebagai akibat peperangan nuklear".


Berikan komen anda tentang kenyataan di atas.

(30/100)

2. (a) (i) Kenapakah kita perlu menformatkan sesuatu disket baru sebelum ianya dapat digunakan?
- (ii) Berikan arahan-arahan Wordstar untuk operasi-operasi berikut :
- (A) menukar pemacu cakera dari A ke B.
  - (B) menyalin suatu fail yang terkandung di dalam disket B ke A.

...3/-

- (iii) Bagaimanakah caranya untuk membentuk satu jadual seperti di bawah dengan menggunakan Wordstar?



(25/100)

- (b) Berikan arahan-arahan LOTUS 123 untuk operasi-operasi berikut :

- (i) menyimpan satu fail LOTUS (kertas kerja) yang telah siap disunting.
- (ii) menukar kelebaran lajur keseluruhan kertas kerja kepada 20
- (iii) menghapus satu julat data di atas kertas kerja.
- (iv) mencetak satu kertas kerja dalam bentuk mampat (compressed form).

(20/100)

- (c) (i) Apakah arahan-arahan dBase 3+ yang boleh digunakan untuk menyusun rekod-rekod di dalam fail pangkalan data?
- (ii) Huraikan arahan-arahan tersebut serta perbezaan antara mereka. Nyatakan juga kebaikan dan keburukkan arahan-arahan tersebut.

(25/100)

- (d) Apakah perbezaan diantara bahasa asli (seperti bahasa Malaysia, bahasa Inggeris) dan bahasa pemrograman komputer?

(30/100)

...4/-

3. (a) Berikan arahan-arahan Wordstar untuk melaksanakan operasi-operasi berikut :

- (i) menghitung nombor-nombor di dalam satu blok lajur.
- (ii) mencari dan menggantikan teks/perkataan.
- (iii) menandakan blok dan memindahkannya ke dalam disket di pemacu B.

(15/100)

(b) Satu kertas kerja yang bernama BELANJA telah dicipta menggunakan LOTUS 123 untuk merekodkan belanjawan semester kedua 1988/89 bagi seorang pelajar. Kertas kerja tersebut mempunyai maklumat-maklumat seperti jadual 2 di bawah :

	A	B	C	D	E	F	G	H
1								
2		LAPORAN BELANJAWAN SEMESTER II, 1988/89						
3								
4		BIASISWA BULANAN = \$200.00						
5								
6		DIS	JAN	FEB	MAC	APRIL	PURATA	PERATUS
7	HOSTEL	30	30	30	30	30		
8	MAKANAN	80	95	90	85	80		
9	BUKU	20	25	10	40	0		
10	PERALATAN	25	20	15	20	10		
11	KENDERAAN	15	20	10	15	15		
12	<hr/>							
13	JUMLAH							
14	<hr/>							
15	BAKI							
16	<hr/>							

JADUAL 2

(i) Bagaimanakah kandungan sel-sel berikut dapat dipenuhi (berikan formula dan fungsi yang digunakan)?

(A) G7 - G11

(B) B13 - G13

(ii) Apakah langkah-langkah yang patut diambil untuk menyelit satu barisan baru iaitu PAKAIAN di barisan 10? Terangkan perubahan-perubahan yang berlaku di atas kertas kerja anda.

...5/-

(iii) Berikan formula/fungsi yang digunakan untuk mengisi sel-sel (gunakan alamat mutlak (absolute address)/alamat relatif (relative address)) :

(A) H7 - H11 (Lajur PERATUS, iaitu PURATA/BIASISWA BULANAN)

(B) B15 - G15 (Baris BAKI, iaitu BIASISWA BULANAN-JUMLAH)

(30/100)

(c) (i) Apakah jenis-jenis medan yang dibenarkan di dalam dBase 3+?

(ii) Terangkan kegunaan operasi berkait (relational operation) di dalam dBase 3+ dan berikan 3 contoh daripadanya.

(iii) Berikan penerangan-penerangan ringkas bagi setiap operasi berikut, dan nyatakan dari menu manakah opsyen tersebut didapati.

(A) BROWSE

(B) RECALL

(C) REPLACE

(D) COPY

(25/100)

(d) Bincangkan klasifikasi-klasifikasi komputer berdasarkan saiz, kos, teknologi dan ciri-ciri.

(30/100)

4. (a) Berikan arahan-arahan Wordstar untuk melaksanakan fungsi-fungsi berikut :

(i) memperolehi hasil cetakan seperti berikut :

(A)  $(x - a)^2 + (y - b)^2 = r^2$

(B)  $a^2x + b_2y = c_2$

(C) PEPERIKSAAN

(ii) menjajarkan (align) dokumen

...6/-

(iii) mencetak beberapa salinan muka surat yang terpilih daripada sesuatu dokumen.

(20/100)

(b) (i) Apakah kebaikan-kebaikan penggunaan pakej LOTUS 123 dibandingkan dengan cara manual?

(ii) Bagaimanakah caranya anda dapat merujuk kepada sel-sel serta kandungannya?

(20/100)

(c) Satu fail pangkalan data bernama PELAJAR telah dicipta dengan menggunakan dBase 3+. Setiap rekod mempunyai maklumat-maklumat seperti contoh di bawah :

NAMA_PEL	SARAH ABDULLAH	(NAMA PELAJAR)
NO_MATRIK	21000	(NOMBOR MATRIK)
JURUSAN	SAINS KOMPUTER	
TRH_MAS	10/6/87	(TARIKH MASUK KE USM)
JUM_UNIT	50	(JUMLAH UNIT TERKUMPUL)
TAH_PEN	2	(TAHUN PENGAJIAN)

merujuk kepada contoh rekod di atas, terangkan secara ringkas cara untuk :

(i) membentuk satu fail baru bernama USM1 dari fail PELAJAR yang hanya mengandungi medan-medan NAMA\_PEL, NO\_MATRIK dan JURUSAN.

(ii) menghasilkan satu laporan seperti contoh di bawah (namakan fail laporan tersebut sebagai LAPOR1)

LAPORAN PELAJAR

NAMA PELAJAR	JURUSAN	TAHUN PENGAJIAN
:	:	:
:	:	:


(iii) mendapatkan senarai NAMA\_PEL, NO\_MATRIK dan JUM\_UNIT bagi pelajar-pelajar tahun empat di dalam jurusan SAINS KOMPUTER.

(30/100)

(d) Apa itu sistem pengoperasi (operating system)? Nyatakan 4 unsur sesuatu sistem pengoperasian yang umum serta terangkan fungsi-fungsi setiap unsurnya.

(30/100)

5. Berikan arahan-arahan Wordstar untuk menjanakan laporan yang mempunyai format seperti gambarajah berikut :



Dokumen ini juga mesti memenuhi syarat-syarat berikut :

- (i) panjang muka surat : 80 baris
- (ii) kelebaran aksara : 12
- (iii) margin kiri 5, margin kanan 55.

(30/100)

(b) Dengan merujuk kepada JADUAL 2 dalam soalan 3b, terangkan secara ringkas langkah-langkah yang perlu diambil untuk membentuk satu carta Pie (Anda boleh memilih julat yang anda kehendaki dan lakarkan secara kasar bentuk carta tersebut).

(15/100)

...8/-

- (c) Satu kedai menjual barang-barang runcit telah menggunakan pakej dBase 3+ untuk mengemaskinikan stok barangnya setiap bulan. Peniaga tersebut telah membentuk satu fail bernama STOK, dan fail tersebut digunakan untuk menghasilkan laporan seperti di jadual 3.

ITEM	HARGA/KG	KUANTITI	JUMLAH JUALAN	BAKI	HASIL JUALAN(\$)
TEPUNG	1.00	1000	800		
GULA	1.10	2000	1500		
BERAS	2.00	1500	1200		
:	:	:	:		
:	:	:	:		

JADUAL 3

Merujuk kepada laporan di atas, terangkan secara ringkas cara untuk :

- (i) mengisi data dengan cepat dan mudah untuk medan BAKI dan HASIL JUALAN(\$) di dalam tiap-tiap rekod di dalam fail tersebut.
- (ii) menambahkan medan baru iaitu ITEM\_NO di dalam fail tersebut.
- (iii) menyusun kembali rekod tersebut mengikut medan BAKI.

(25/100)

- (d) Huraikan tiga kaedah pencarian fakta (fact-finding) yang boleh digunakan semasa kajian sistem masa kini; nyatakan kelemahan-kelemahan setiap kaedah yang anda berikan.

(30/100)